

01 MAY 1999

Mahathir-Hafizam

PM SARUNG SELENDANG PAHLAWAN KEPADA HAFIZAM

JITRA, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarungkan "Selendang Pahlawan" kepada Wan Mohd Hafizam Wan Ismail ketika melawat penderma hati itu di rumah datuknya di Batu 12 1/2, Jalan Sintok, dekat sini.

Dr Mahathir yang ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali meluangkan masa selama lebih kurang sepuluh minit untuk berbual dan mengucapkan tahniah di atas keberanian Wan Mohd Hafizam.

Selendang itu dianugerahkan oleh Pertubuhan Wasilah Wan Kedah kepada Wan Mohd Hafizam. Selendang itu hanya diberi kepada mereka yang dianggap wira oleh pertubuhan itu.

Selain itu, pertubuhan itu turut menyumbangkan wang RM500 kepada Wan Mohd Hafizam. Wang itu disampaikan oleh Perdana Menteri.

Selepas kunjungan itu, Dr Mahathir dan isteri meluangkan masa lebih kurang sepuluh minit untuk melawat bekas Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Tunjang, Ismail Hanafi, di rumahnya di Kampung Baru, Changkat Setoi dekat sini.

Ismail, 68, yang menjadi wakil rakyat dari tahun 1974 hingga 1982 adalah wakil rakyat Pas dan kini menghadapi penyakit kencing manis dan buah pinggang.

Sementara itu, Wan Mohd Hafizam, 23, ketika ditemui pemberita berkata beliau masih lagi merasa sedikit kesakitan di bahagian perut kesan dari pembedahan yang dijalankan pada 3 April lalu.

"Saya kini sedang bercuti sehingga hujung bulan ini dan hanya akan kembali ke Kuala Lumpur untuk menjalani pemeriksaan serta melawat Mohd Afiq Iqmal Muhammad Zaini dalam masa empat hari lagi.

Ditanya perasaannya apabila mengetahui Perdana Menteri akan melawatnya, Pembantu Tadbir Klinik Kesihatan Universiti Malaya itu berkata beliau berasa bangga dan gembira.

Beliau yang kini telah mendapat jawatan tetap berkata beliau akan meneruskan khidmatnya di universiti terbabit dan tidak mempunyai hasrat untuk menukar tempat kerja.

Pada 3 April lalu, Wan Mohd Hafizam telah mendermakan sebahagian hatinya kepada Mohd Afiq Iqmal, 14 bulan, dalam satu pembedahan pemindahan hati di Pusat Perubatan Subang Jaya, Selangor.

Pembedahan yang dijalankan oleh Datuk Dr K.C.Tan itu mengambil masa selama 11 jam 40 minit.

-- BERNAMA

MAN+JM/jm zb